# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# TAMAN KERIAN TAMBAHAN, PARIT BUNTAR, PERAK (DAERAH KERIAN)
# BERKUATKUASA 6 JUN 2021

**Dikemaskini pada 5 Jun 2021**

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan Yang Terlibat | Taman Kerian Tambahan, Parit Buntar, Perak (Daerah Kerian). |
| Tempoh Kuat kuasa | 6 Jun 2021 (12.01 pagi) sehingga 19 Jun 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.<br>• Semua penduduk di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan ***case by case basis.***<br>• Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah *(work from home).*<br>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKPD. |
| Saluran Makanan dan Keperluan | • Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Kerian dan diagihkan oleh APM dan RELA.<br>• Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Kerian. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |